

## FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI

(Social Environmental Factors and Their Relation to Identity Formation)

ZAKARIA STAPA\*, AHMAD MUNAWAR ISMAIL; NORANIZAH YUSUF  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan membincangkan faktor-faktor persekitaran sosial yang boleh mempengaruhi pembentukan jati diri setiap individu. Faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang. Di samping itu, banyak kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa persekitaran memiliki peranan yang cukup penting di dalam usaha membentuk jati diri individu. Faktor-faktor persekitaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan guru dan media massa.*

**Kata Kunci:** faktor persekitaran sosial, hubungan, pembentukan, jati diri

### ABSTRACT

*This article aims at discussing the social environmental factors influencing the formation of individual identity. Social environmental factors may produce reciprocal response effects to the formation of individual behavior and identity. In addition, many studies found that social environment played an important role in the effort to develop an individual identity. The identified social environmental factors, i.e., parents, peers, school and teachers, and mass-media, had a significant impact to the formation of individual identity.*

**Keyword:** social environmental factors, relation, formation, identity

---

\*Corresponding author: Zakaria Stapa, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, Email: karia@ukm.my  
Diserahkan: 25 Disember 2011  
Diterima: 26 Mac 2012  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-SP-12>

## **PENDAHULUAN**

Faktor-faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar 2006). Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu ibapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka.

### **PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Selain daripada peranan diri, pembentukan keperibadian seseorang turut dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran ayat ke 8 hingga ke 10 Surah al-Shams yang bermaksud:

*Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya.*

Dalam ayat ini dijelaskan tentang proses pembentukan keperibadian manusia dipengaruhi oleh elemen-elemen ilham sama ada ia menuju kepada jalan yang baik mahupun yang buruk. Namun manusia dibekalkan dengan akal untuk memilih jalan mana yang harus diikuti. Pengaruh-pengaruh jalan kebaikan dan kefasikan ini pada hakikatnya merupakan pengaruh-pengaruh yang wujud daripada persekitaran dalam kehidupan seseorang. Rasulullah saw juga telah menghuraikan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menjelaskan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul dalam kehidupan sehariannya kerana pergaulan tersebut akan memberi kesan terhadap keperibadiannya.

Imam al-Ghazali juga turut menekankan faktor pembelajaran sosial iaitu pergaulan dengan orang-orang yang soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang (Muhamad Abul Quasem 1975). Ini adalah kerana manusia itu secara semulajadi bersifat meniru di mana seseorang itu boleh memperolehi kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seseorang yang lain. Jika seseorang itu bergaul dengan seseorang yang baik dalam tempoh tertentu, dia akan memperolehi dalam dirinya sesuatu kebaikan daripada orang tersebut dan secara tidak disedari banyak mempelajari sesuatu

daripadanya (M. Umaruddin 2003). Menurut al-Na'imy (1994) pula, manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Ibn Khaldun (2002) juga menjelaskan, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Hassan (1987) berpendapat, persekitaran mampu memberi kesan terhadap penghayatan nilai akhlak seseorang. Menurut beliau, penghayatan nilai akhlak merupakan peringkat akhir dari proses pengakuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial yang menggabungkan asas-asas pembelajaran sosial seperti rangsangan, tindak balas, peneguhan, kepatuhan, identifikasi, permodelan dan tiruan. Proses ini selanjutnya memerlukan kewujudan faktor-faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman dan dalaman seperti kepuasan diri dan keinginan untuk dilihat benar.

## **PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF BARAT**

Teori pembelajaran sosial yang telah diperkembangkan oleh Albert Bandura (1977) cuba menghuraikan mengapa seseorang melakukan sesuatu tindakan. Bandura mengatakan bahawa sesuatu tindakan itu merupakan hasil interaksi antara ketiga-tiga faktor iaitu manusia, persekitaran dan tabiat manusia. Tidak satupun dari tiga faktor ini boleh dikatakan sebagai penentu kepada sesuatu tindakan secara berasingan. Walau bagaimanapun, Bandura (1977) berpendapat bahawa walaupun wujud interaksi antara tiga komponen ini, namun sebahagian daripada komponen ini mungkin lebih berpengaruh dari yang lain pada masa tertentu bagi menghasilkan sesuatu tindakan.

Dari perspektif sarjana Barat, Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Pengaruh persekitaran ini mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, manusia tidak semestinya terkongkong dengan keputusan itu. Manusia mempunyai keupayaan memahami keputusan yang telah mereka buat dan menggantikan dengan keputusan yang baru yang lebih sesuai dengan diri mereka dan persekitaran mereka pada masa itu. Tetapi dalam banyak keadaan, manusia selalunya tidak mempunyai keupayaan memilih dan hanya segelintir sahaja yang mempunyai kesedaran membuat pilihan sendiri.

Pendapat ini selari dengan apa yang disebut oleh Tolman (1932) iaitu, semua tingkah laku ada mempunyai matlamat yang tertentu. Di dalam usaha mencapai matlamat itu manusia akan menggunakan alat, jalan dan tanda petunjuk yang mempunyai kaitan dengan matlamat yang hendak dicapai. Alat, jalan dan tanda-tanda itu dapat dihasilkan melalui satu proses pembelajaran yang telah meninggalkan satu pengalaman yang membentuk “peta kognitif” di dalam mental seseorang antaranya petunjuk-petunjuk alam sekeliling yang berhubung dengan apa yang diharapkan.

Freud (1974) dalam teori psikodinamikinya menyatakan, terdapat tiga sistem yang wujud dalam diri manusia iaitu *id*, *ego* dan *superego*. *Id* adalah sistem asal dalam setiap individu sejak dilahirkan. *Id* dianggap sebagai komponen biologi. Ia merupakan punca utama bagi tenaga jiwa dan pusat bagi naluri. *Id* bertindak secara tidak normal dan tidak mempunyai sistem organisasi yang teratur. *Id* hanya tahu mendesak dan memaksa. Umpamanya, kanak-kanak selalunya tidak sabar dan mahukan kepuasan yang segera. Oleh kerana itu ia bertindak melulu tanpa berfikir panjang. Setelah sesuatu tindakan diambil oleh *id*, ketegangan yang dirasakan akan hilang. Satu ciri yang jelas bagi *id* ialah ia tidak pernah matang dan membesar walaupun individu yang memilikinya sudah bertambah umur dan bertambah matang pemikirannya. Kerana itu didapati *id* ini bertindak secara tidak logik, tidak bermoral dan hanya memuaskan naluri nafsu semata-mata.

*Ego* pula adalah komponen psikologi yang merupakan tenaga jiwa yang berasal dari *id* walaupun ianya amat berbeza dengan *id*. Ia merupakan eksekutif yang mengawal jenis-jenis tindakan yang hendak dilakukan oleh seseorang dan memilih persekitaran-persekitaran yang sesuai serta menentukan naluri mana yang akan dipuaskan dan caranya. *Ego* dipandu oleh prinsip realiti dan kerana itu segala tindak tanduknya mestilah dilakukan dengan menimbang secara mendalam terhadap segala yang wujud di alam realiti. Bagi melaksanakan tugasnya dengan baik ia haruslah berfikiran waras, logik dan rasional. Dengan itu barulah ia mampu mengendalikan urusan-urusan *id* di alam nyata, serta memberi perhatian kepada penentuan-penentuan *superego*.

Manakala *superego* pula dianggap sebagai komponen sosial dan nilai-nilai moral masyarakat. Ia merupakan cabang moral atau kehakiman bagi sesuatu personaliti. Ia bertanggungjawab menentukan sesuatu tingkah laku sama ada baik atau buruk, betul atau salah. Ia bersifat idealistik dan bertanggungjawab untuk mengawal *ego* daripada menuruti kehendak *id*, di samping mendorong *ego* untuk menerima nilai-nilai dan matlamat moral. Oleh kerana ia bersifat sebagai hakim, ia menentukan denda dan ganjaran. Ganjaran yang diberikannya berbentuk perasaan bangga, manakala denda pula berbentuk perasaan bersalah dan rendah diri.

*Ego* dan *superego* adalah berpunca daripada tenaga *id* yang sejak kecil sudah mula menerima penentuan-penentuan masyarakat melalui didikan ibu bapa atau pengasuh. Ketiga-tiga tenaga ini sering berinteraksi. *Id* mendesak, *ego* mengatur manakala *superego* bertindak menyelia dan mengawal gelagat *id* dan *ego*. Jika *ego* gagal mengawal kehendak *id* atau gagal menyalurkan kehendak *id* menurut batasan-batasan realiti dan nilai-nilai moral, ia akan didenda dalam bentuk perasaan risau. Jika ia berjaya, ia akan diberi ganjaran dalam bentuk perasaan tenaga dan kepuasan.

Freud (1974) juga menekankan bahawa manusia dibekalkan dengan naluri-naluri tertentu yang bersifat jahat (kebinatangan) seperti tingkah laku seksual dan tingkah laku agresif yang tidak rasional. Naluri ini tersimpan dalam satu sistem tenaga yang tidak bertambah dan tidak berkurang. Tenaga ini sering menjadi rebutan kepada tiga sistem yang ada dalam diri setiap manusia iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Sistem yang mempunyai paling banyak tenaga akan berkuasa mengawal tingkah laku manusia itu. Tenaga yang berasal daripada naluri ini dibahagikan kepada dua iaitu (Freud 1974):

1. *Libido* iaitu tenaga hidup, berfungsi mendorong manusia meramaikan zuriat. Ia tidak terbatas semata-mata kepada tenaga seks, bahkan membina dan mengalakkan manusia ke arah kreativiti dalam mencari keseronokan di samping berusaha mengelak kesakitan.
2. *Thanatos* iaitu tenaga mati, berfungsi mendorong tingkah laku agresif seperti manusia menyakiti diri manusia sendiri atau terhadap orang lain, atau manusia membunuh dirinya sendiri atau orang lain.

Teori pembelajaran sosial Bandura (1997) turut menekankan tentang peranan persekitaran dalam pembentukan peribadi manusia. Menurut teori ini, masyarakat yang mendefinisikan tugas dan peranan remaja serta norma-norma yang berkaitan dengan tingkah laku. Manusia pula akan membentuk perasaan, nilai dan tingkah laku melalui pemerhatian terhadap apa yang dilakukan oleh ahli masyarakatnya. Bandura (1997) juga berpendapat, kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan. Menurutnya, tingkah laku remaja terhasil akibat daripada pengalaman pengasuhan kanak-kanak. Oleh itu, kebanyakan tingkah laku remaja adalah mengikut kehendak ibu bapa dan masyarakat. Tingkah laku yang menyeleweng pula adalah akibat pengasuhan dan proses sosialisasi yang kurang sempurna. Perubahan-perubahan dalam masyarakat seterusnya menghasilkan perubahan dalam persepsi terhadap masyarakat.

Berasaskan pembelajaran remaja melalui peniruan ini, maka remaja akan mengalami masalah-masalah sosial di mana mereka terjebak dengan unsur-unsur peniruan yang negatif seperti merokok, mengambil dadah dan budaya-

budaya negatif yang lain. Bruner (1960) dengan ‘teori pembelajaran dapatan’ berpendapat, di dalam keadaan normal manusia mampu belajar dengan cara menemui sendiri pertalian di antara berbagai-bagai rangsangan yang terdapat di alam sekelilingnya. Menurut beliau, proses pengajaran yang menggunakan kaedah ini dapat menggalakkan pelajar mencapai ‘celik akal’ dengan melalui pemikiran mereka sendiri. Individu luar hanya berfungsi sebagai pemberi pandangan serta mengemukakan saranan tanpa cuba mengolah dan mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar.

Selain itu, antara teori yang berpengaruh dalam membicarakan perkembangan moral dan tingkah laku individu adalah daripada Piaget dan Kohlberg. Kedua-dua mereka menganggap perkembangan moral adalah aspek penting yang memberi sumbangan kepada pembangunan secara keseluruhan (Richard dan Carol, 2000). Teori perkembangan moral Piaget adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan pertanyaan. Menurut Richard dan Carol (2000), asas utama perkembangan moral adalah tertakluk kepada undang-undang. Piaget membuat teori berdasarkan pemerhatiannya kepada kanak-kanak yang bermain guli. Ketika bermain, kanak-kanak perlu mengambil kira isu-isu keadilan dan undang-undang permainan. Melalui cara itulah kanak-kanak mengeksplorasi perkembangan moral mereka.

Piaget berpendapat, moral kanak-kanak lebih berkembang berdasarkan interaksi kanak-kanak dengan rakan-rakan mereka berbanding interaksi dengan ibu bapa mereka. Bagi Piaget, ibu bapa lebih kepada *level* yang kurang matang kerana hubungan ibu bapa dan anak-anak lebih kepada cara hadiah dan hukuman atau untuk mempromosikan kepercayaan bahawa penilaian moral itu bergantung kepada kuasa orang dewasa. Manakala rakan-rakan pula lebih mengutamakan pertukaran (*reciprocity*) dan hak kesamarataan antara mereka untuk mempertahankan perhubungan sosial mereka.

Piaget kemudiannya membahagikan perkembangan moral kepada tiga peringkat, pertama, *Premoral period*, iaitu peringkat di mana kanak-kanak belum lagi memahami undang-undang, kerjasama dan matlamat-matlamat yang berkaitan dengan permainan; kedua, *Heteronomous morality stage*, iaitu perkembangan kanak-kanak selepas lima tahun. Ketika ini kanak-kanak mula mengambil berat atau sedar tentang undang-undang dan cara untuk menang; dan ketiga, *Moral realism* peringkat paling akhir di mana kanak-kanak sudah memiliki *sense of moral realism* iaitu, alasan kepada kenapa perlu mengikut undang-undang tatkala bermain.

Secara keseluruhannya, Piaget adalah antara yang pertama mencadangkan jenis peringkat perkembangan moral. Tokoh yang banyak terpengaruh dengan idea dan teori-teori Piaget ini antaranya adalah Kohlberg. Beliau banyak terpengaruh dan banyak menyumbangkan teori-teori penting dalam perkembangan moral. Kohlberg (1976) mengenal pasti enam peringkat perkembangan moral. Melalui enam pendekatan ini juga Kohlberg memperkenalkan konsep moral dilema, yang mana responden harus memilih antara patuh pada undang-undang atau melakukan sesuatu yang menentang undang-undang. Tiga peringkat utama dalam perkembangan moral menurut Kohlberg (1976) adalah:

### 1. Peringkat *Preconventional*

Pada peringkat ini, Kohlberg (1976) berpendapat perkembangan moral bergantung kepada faktor-faktor luaran. Kanak-kanak perlu patuh untuk mengelakkan dihukum atau untuk mendapatkan hadiah. Orientasi faktor hukuman dan patuh ini adalah:

- a. Memotivasi kanak-kanak untuk melakukan sesuatu yang bermoral bagi mengelakkan hukuman.
- b. *Instrumental purpose*, di mana kanak-kanak percaya kepada undang-undang mana yang perlu diikuti terutamanya pada perkara yang ada keseronokan (*best interest*) bila melakukan. Dalam peringkat ini, kanak-kanak akan mengambil kira kepentingan orang lain meskipun keseronokan (*best interest*) tersebut membabitkan dirinya.

### 2. Peringkat *Conventional*

Peringkat ini bermula seawal usia remaja 13 hingga 14 tahun. Pada peringkat ini individu lebih berusaha untuk memenangi pujian dan pengiktirafan bila melakukan perkara baik dan mempertahankan *social order*. Pada peringkat ini, wujud orientasi bersifat *interpersonal orientation*, iaitu membuat dan melakukan perkara baik lebih kepada hendak menyukakan orang lain atau individu akan lebih bermotivasi apabila orang lain melihat perkara yang mereka buat itu cantik dan baik. Orientasi ini kemudian akan diikuti dengan *social order maintenance orientation*, iaitu individu atau remaja mula ada kepercayaan yang undang-undang perlu untuk mempertahankan *social order* dan sistem akan huru-hara sekiranya orang tidak mematuhi undang-undang.

### 3. Peringkat *Post Conventional*

Peringkat ini berlaku apabila individu mula komited terhadap *set of princip* yang dikongsi bersama piawaian moral yang ditanam dan menjadi sebahagian daripada diri individu. Tindakan moral individu lebih kepada patuh untuk menegakkan undang-undang dan kontrak yang melindungi hak orang ramai. Pada peringkat ini, individu sudah mula ada kesedaran dan keinginan untuk melakukan yang terbaik bagi memenuhi kepuasan orang ramai. Bagi Kohlberg, orientasi terakhir pada peringkat ini yang disebut *universal ethical-principle*, iaitu menganggap baik dan buruk pada sesuatu perkara lebih kepada pilihan individu sendiri berbanding dengan abstrak moral, prinsip keadilan *universal* dan hormat terhadap semua individu. Jadi apabila ada undang-undang yang melanggar prinsip moral maka individu perlulah bertindak mengikut prinsip moral berbanding dengan undang-undang yang digubal.

Jelasnya, perkembangan moral tidak dipelajari melalui imitasi atau penguatkuasaan atau dipengaruhi oleh budaya dan undang-undang tertentu. Sebaliknya, perkembangan moral adalah berdasarkan pada prinsip yang *universal* yang dikembangkan melalui variasi peringkat yang tidak bergantung pada budaya mana-mana individu itu dibesarkan (Richard dan Carol 2000). Selain pengalaman pembelajaran, proses pembentukan akhlak manusia juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran di mana seseorang itu menjalani kehidupan. Dalam ilmu pendidikan, faktor-faktor ini disebut sebagai faktor pembelajaran sosial.

## FAKTOR-FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL

Peranan penting persekitaran dalam pembentukan identiti seseorang individu tidak boleh diabaikan. Peranan ini dimainkan oleh individu-individu yang signifikan seperti ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan media massa. Kesemua faktor-faktor ini memberikan pengaruh yang kuat dalam pembentukan jati diri setiap individu masyarakat.

### 1. Faktor Ibu Bapa

Pengaruh persekitaran sosial yang paling awal diterima oleh seseorang manusia sudah tentulah daripada ibu bapa sebagaimana hadis Nabi saw yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

Tidak ada seorang bayi yang dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih daripada sebarang dosa), maka kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu sama ada sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.



Al-Nawawi (2003) dalam menjelaskan maksud hadis ini berpendapat, hadis ini menjelaskan setiap kanak-kanak yang dilahirkan itu secara fitrahnya adalah cenderung kepada kehendak-kehendak Islam, atau tauhid (Hijazi 1992). Pengaruh kedua ibu bapa atau salah seorang daripadanya adalah penting untuk memastikan kecenderungan itu berterusan atau sebaliknya sebagaimana firman Allah dalam surah al-Rum ayat 30 yang bermaksud:

*Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad), ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) "ugama Allah" - iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu.*

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak dan membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak. Ibu bapalah yang dapat membantu anak-anak memperolehi pendidikan yang cemerlang dan bermutu. Oleh itu, mereka bertanggungjawab membentuk sikap yang positif di dalam diri anak-anak seperti ingin belajar, rajin membaca, ingin tahu, suka bergaul dengan orang lain, sentiasa aktif dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Ibu bapa juga harus menunjukkan contoh sikap ini kepada anak-anak dan membimbing kelakuan mereka. Ibu bapa juga bertanggungjawab meletakkan asas-asas nilai murni dan pembentukan konsep diri yang positif di kalangan anak-anak (Zaleha Sulaiman 1995).

Ibu bapa juga jelasnya merupakan ejen sosialisasi yang paling penting bagi kanak-kanak sebelum mereka dipengaruhi oleh ejen sosialisasi yang lain. Walaupun sekolah merupakan satu lagi ejen sosialisasi yang kuat mempengaruhi kanak-kanak tetapi pengaruh ibu bapa mungkin lebih kuat kerana jumlah jam kanak-kanak berada di rumah adalah lebih panjang dari jumlah jam kanak-kanak berada di sekolah (Johari Talib 2007). Memahami watak dan kerenah anak-anak merupakan tanggungjawab pendidikan yang sangat mustahak bagi kedua ibu bapa. Mahu tidak mahu, suka tidak suka, berminat atau tidak berminat ibu bapa tidak dapat mengelak dari terlibat dengan tanggungjawab ini. Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah mempunyai panduan dan pengetahuan pendidikan yang sewajarnya, supaya kanak-kanak di bawah asuhan dan jagaan mereka mendapat bimbingan dan pendidikan yang selayaknya (Mahyuddin Shaari 2009)

Menurut Mohamad Ali Hassan (2004), ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan anak-anak dengan cara menghayati fitrah anak yang suci, mendisiplinkan anak-anak sejak peringkat awal, menyediakan kemudahan

dan sumber pembelajaran yang diperlukan, membantu anak membina matlamat, memberikan motivasi, menggalakkan kejayaan dalam pelajaran melalui ganjaran atau sebagainya, mengikuti perkembangan kemajuan anak dan membantu dalam penyelesaian masalah, memperkayakan pengalaman anak dengan persekitaran dan sosial, memberikan contoh teladan yang baik dan berkongsi pengalaman, menyemai budaya suka belajar seawal usianya serta menyemai budaya 7Q (*quality, quantity, quantum leap, qurban, quee, queen*) di dalam diri anak-anak mereka. Ibu bapa juga digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak sekolah bagi melaksanakan program pengembangan minda, rohani, emosi dan jasmani kepada anak-anak mereka (Azhar 2006).

Sehubungan dengan itu, ibu bapa juga hendaklah memantau dan mengawal selia akademik anak-anak mereka. Kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti persekolahan anak-anak adalah penting dalam membantu perkembangan sosio-emosi kanak-kanak (Bronfenbrenner, 1979; Vygotsky 1978). Ibu bapa yang menyertai aktiviti persekolahan anak-anak mereka, menghadiri perjumpaan dengan guru, membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah dan memantau pergerakan mereka akan mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak mereka. Semakin aktif ibu bapa memberi perhatian kepada kerja sekolah anak-anak dan semakin banyak perhatian diberi kepada pergerakan tingkah laku mereka, maka semakin tinggi pencapaian kanak-kanak (Epstein 1986; Sternberg et al. 1992). Johari (2007) juga menjelaskan bahawa aspek-aspek keibubapaan seperti penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah anak-anak serta pemantauan ibu bapa terhadap pergerakan anak-anak adalah penting diberi perhatian kerana aspek tersebut memberi kesan kepada pencapaian pembelajaran dan pencapaian akademik anak-anak.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Asmah dan Zulekha (2004) ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam menangani salah laku sosial dalam kalangan remaja kerana ibu bapa mempunyai pengaruh yang cukup kuat dalam memberi sumbangan terhadap pembentukan akhlak di kalangan remaja. Para pelajar dalam kajian tersebut mengharapkan ibu bapa mereka memainkan peranan dengan cara memberikan perhatian terhadap pembentukan masa depan (35%), pelajaran (29%), kewangan (22%), belaian kasih sayang (19%) dan pemilihan kerjaya (4%).

Sofiah Samsudin dan Mohd. Fuad (2005) pula menegaskan bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab dan boleh memainkan peranan mereka dalam proses pembinaan sahsiah dan kebolehan anak-anak mereka semenjak daripada alam sulbi lagi melalui doa-doa khusus, pemeliharaan emosi, ibadah khusus seperti tahnik, akikah dan khitan, pemberian nama yang baik, penyusunan susu ibu serta rangsangan daripada persekitaran. Dalam hal ini, ibu bapa berperanan penting

dalam memberikan pengalaman kumpulan dan pengalaman unik kepada anak-anak mereka melalui interaksi individu dengan ahli masyarakatnya yang lain.

Hasan Langgulung (1991) merumuskan bahawa ahli pendidikan Islam, terutamanya Ibn Sina menuntut agar dijaga minat pelajar, bakat nalurinya, kesanggupan-kesanggupan tabiinya, ketika kita membimbingnya kepada kerjaya yang dipilihnya untuk masa depannya dan untuk berbakti kepada tanah airnya. Justeru ibu bapa sewajarnya berusaha memahami dan menjaga minat, bakat naluri, kemampuan tabii anak-anak mereka dalam usaha membina masa depan mereka, berlandaskan prinsip falsafah pendidikan Islam.

## **2. Faktor Rakan Sebaya**

Rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan akhlak di kalangan pelajar sekolah (Che Noraini, 2005). Di sekolah, mereka mula membuat perhubungan dengan rakan di luar persekitaran keluarga. Di sini, kita akan nampak dengan jelas bahawa kanak-kanak sedang melalui transisi daripada interaksi sosial di dalam keluarga kepada peranan dan kedudukan sebagai orang dewasa. Ini adalah kerana rakan sebaya mempunyai sub-budaya yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam perkembangan kanak-kanak, khasnya dari perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial. Misalnya; kanak-kanak bergaul dengan rakan sebaya yang rajin belajar akan mendorong perkembangan intelek dan potensinya ke tahap optimum. Kanak-kanak yang bersosialisasi dengan rakan sebaya yang bersopan santun akan menyerap nilai-nilai murni yang positif daripada mereka.

Selain itu, yang dijalankan oleh sekumpulan pengkaji dari Universiti Putra Malaysia pula telah mengenal pasti bahawa faktor rakan sebaya merupakan antara faktor penting yang menyebabkan golongan remaja terjerumus kepada perlakuan salah laku sosial. Rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap masalah ketagihan rokok, dadah dan alkohol di kalangan remaja berusia 18 tahun selain dari pengaruh ibu bapa dan persekitaran. Kajian (Abdullah al-Hadi et al. 2001).

Sungguhpun perbincangan mengenai pengaruh rakan sebaya terhadap pembentukan sahsiah pelajar banyak memberi tumpuan terhadap pengaruh yang bersifat negatif, namun hakikat bahawa rakan sebaya sememangnya merupakan golongan yang paling hampir dalam kehidupan remaja sendiri harus diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam merangka program-program bagi membolehkan rakan sebaya memberi sumbangan yang positif terhadap pembentukan sahsiah dan akhlak di kalangan mereka (Azhar 2006).

### 3. Faktor Sekolah dan Guru

Guru dan sekolah merupakan ejen perubahan dan bersama-sama diberi tugas untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, demi mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Tugas murni ini telah dimaktubkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tahun 1988 iaitu:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

Sehubungan dengan itu juga, guru dan sekolah merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan pelajar daripada segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Guru yang bersifat penyayang dan cekap menguruskan aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah akan melahirkan pelajar yang berilmu, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor pelajar.

Jangkaan guru juga dapat mempengaruhi prestasi pelajar. Dalam bidang psikologi ia disebut sebagai '*self-fulfilling prophecy*' iaitu manusia akan melakukan sesuatu yang dijangka mereka akan lakukan, sehinggakan jangkaan yang tidak berasas pun akan menimbulkan tindak laku yang diharapkan itu. Jadi guru yang mempunyai sangkaan bahawa pelajarinya lemah akan mendapati pelajarinya benar-benar lemah (Zaleha 1995). Terdapat banyak kajian dan tulisan yang berkaitan dengan perlakuan guru dan kesannya terhadap pencapaian pelajar. Kajian-kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif tentang implikasi sikap, nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar. Holt (1970) mendedahkan sikap dan pengajaran guru di bilik darjah sebagai punca kegagalan pelajar mengembangkan potensi mereka. Beliau lebih kuat mengkritik sistem pendidikan yang berlaku di sekolah sebagai kurang mampu memenuhi prinsip pembelajaran dan perkembangan potensi individu pelajar.

Beberapa kajian di Amerika Syarikat cuba menghubungkan komitmen dan semangat guru dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian ini beranggapan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai guru-guru yang komited dan berpuas hati akan mendapati guru-guru ini akan bekerja bersungguh-sungguh tanpa merasa penat (Willms 1992). Beliau menambah bahawa satu aspek penting tentang semangat guru ialah mereka akan bertambah cekap. Kejayaan pelajar akan memberikan ganjaran yang berbentuk psikologi kepada guru-guru. Mereka akan merasa bertambah yakin tentang kebolehan mereka mempengaruhi kejayaan pelajar (Zaleha 1995).

Brookover, et al. (1979) juga menegaskan bahawa sekolah yang selalu menggunakan strategi pendidikan dalam pengajaran pembelajaran selalunya berjaya mencapai matlamat sekolah. Tambahan pula dengan guru-guru yang menghabiskan masa dan tenaga mengajar dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajarannya. Iklim sekolah yang sesuai juga dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik.

#### **4. Faktor Globalisasi dan Media Massa**

Cabaran zaman moden yang melanda masyarakat kita hari ini seperti pengaruh media cetak dan elektronik serta kemajuan sains dan teknologi dalam era dunia tanpa sempadan, telah memburukkan lagi keadaan kerana telah menjadikan sejumlah anggota masyarakat kita hilang jati diri. Perkembangan individu pula dipengaruhi oleh pendedahannya kepada sumber teknologi yang terdapat di alam kehidupannya (Hamidah Sulaiman 2005). Sumber teknologi ini merujuk kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada bahan-bahan bacaan seperti suratkhobar, majalah, iklan, filem, radio, televisyen dan komputer. Seperti yang kita ketahui bahawa pendedahan kanak-kanak kepada sumber teknologi yang sihat akan meningkatkan kadar perkembangan kognitif, emosi dan sosialnya. Sebaliknya, kanak-kanak yang didedahkan kepada sumber teknologi yang berunsur keganasan, kuning atau kezaliman, akan membentuk sikap yang negatif dan personaliti yang tidak diinginkan.

Pembelajaran pemerhatian sangat bernilai bagi menerangkan tingkah laku manusia yang kompleks. Sebagai contohnya, media sangat berpengaruh terhadap pendidikan, tingkah laku dan keperibadian anak. Televisyen misalnya merupakan satu contoh alat yang banyak mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Banyak tingkah laku yang tidak sopan dan agresif ditiru melalui model di dalam TV (Asmawati Desa 2004). Dalam ledakan teknologi industri dan media, kanak-kanak mudah sahaja dipengaruhi oleh ejen sosialisasi seperti media.

Peranan artis melalui media massa juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap proses pembentukan akhlak di kalangan remaja dan pelajar di sekolah. Para artis dianggap sebagai ikon dan fenomena sosial yang boleh menarik minat remaja mempunyai peranan dan sumbangan terhadap proses pembentukan akhlak di kalangan remaja dengan cara menyemaikan nilai positif dan adab ketimuran melalui persembahan dan cara hidup mereka (Azhar 2006; Muhamad Razak 2005). Sebaliknya, kelakuan dan penglibatan artis dalam gejala sosial memberikan implikasi negatif terhadap psikologi, persepsi dan perlakuan peminat dan anggota masyarakat (*Utusan Malaysia* 18 April 2005).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil daripada perbincangan dapat disimpulkan bahawa faktor persekitaran sosial terutama ibu bapa, rakan sebaya, guru, media massa dan sebagainya memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan jati diri individu. Hal ini sekaligus mengisyaratkan bahawa urusan mengembangkan potensi dan pendidikan bukan hanya terletak dalam konteks persekolahan semata-mata, malah perlu dilakukan secara holistik oleh semua pihak yang terlibat melalui pelbagai pendekatan pembelajaran sosial seperti permodelan, peneguhan, maklum balas dan nasihat secara langsung bagi menggalakkan pembelajaran sosial yang positif. Elemen-elemen pembelajaran sosial yang sedia wujud dalam kehidupan pelajar perlu digerakkan secara bersepadu agar mereka turut memberi sumbangan yang positif terhadap pembinaan generasi muda yang dinamik, berketrampilan dan berakhlak mulia.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Hadi Muhamed, Rorzumah Baharudin, Rumaya Johari, Mansor Talib, Tan Jo-Pei, Asnarulkhadi Abu Samah & Amna Md. Noor. 2001. *Laporan Akhir Kajian Salah laku di kalangan Pelajar Sekolah Menengah dan Rendah: Implikasi untuk Polisi*. Serdang: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Abul Qasem, Muhammad. 1975. *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam*. US: The University of California.
- Asmawati Desa. 2004. *Psikologi Untuk Golongan Professional*. Edisi 2. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Awang Had Salleh. 1993. *Warna-Warna Pengalaman Seorang Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pembelajaran Pengaturan Kendiri dalam Pendidikan Islam*. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Dr. Falsafah. Bangi: UKM.
- Bandura, A. 1997. *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Berne, Eric. 1964. *Games people play: The psycology of human relationships*. New York: Ballantine Books.
- Berube, M.R. 1984. *Education and Poverty: Effective Schooling in the United States and Cuba*. New York: Greenwood Press.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of the Family as a Context of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Brookover, W.T. and Lezotte, L.W. 1979. *Changes in School Charateristics Coincident with Changes Students Achievement No. 17 Occasional Paper*. Michigan State University: Institute of Research on Teaching.
- Bruner, J.S. 1960. *The Process of Education*. New York: Vintage Books.
- Epstein, J.L. 1986. Parent's reaction to teachers practices of parent involvement. Dlm. *Elementary Scholl Journal*, 86: 277-294.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof & Habibah Abdul Rahim. 2005. Kemiskinan dan pendidikan: Perubahan minda orang Melayu ke arah kecemerlangan pendidikan akademik. Dlm. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jil. 7, Disember 2005, hlm. 25-56. Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Fraser, N. 1959. *Home Environment and the School*. London: University of London Press Ltd.

- Frued, Sigmund. 1974. *New Introductory Lecturers on Psychoanalysis*. London: Hogarth Press.
- Hamidah Sulaiman. 2005. Pendidikan Islam dan pengaruh persekitaran dan kemajuan: Kesan kepada pembentukan sahsiah. Dlm. *Masalah Pendidikan*, 28, hlm. 71-78. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holt, J. 1970. *How Children Fail*. Hommondsworth: Penguin.
- Honey, P. dan Mumford, A. 1992. *The Manual of Learning Style*. (2<sup>nd</sup> ed.). United Kingdom: Peter Honey.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2002. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jagdish Raj Sharma. 1983. Peranan ibu bapa: Perspektif yang terabai. Dlm. *Masalah Pendidikan*, Jil. 10, ms. 83 – 90.
- Johari Talib. 2007. Pengaruh gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik kanak-kanak. Dlm. *Wacana Pengajian Umum*, hlm. 77-94. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kohlberg, L. 1976. Moral stages and moralization: The cognitive-developmental approach. Dlm. Lickona, T. (pnyt). *Moral Development and Behavior: Theory, Research and Social Issues*, hlm. 31-53. New York: Holt, Reinhart and Winston.
- Mahyuddin Shaari. 2009. Memahami ilmu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi pendidikan berkesan. Dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 13. Bil. 2. Julai 2009.
- Mohd Nor Che Nor. 1990. *Asas Pendidikan Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Mohd. Ali Hassan. 2004. Masalah disiplin dan jenayah di kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Nota forum *Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah*



*Juvana Menurut Perspektif Islam*, Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 10-11 Februari.

- Muhamad Razak Idris. 2005. Pertubuhan dakwah dan fenomena Siti Nurhaliza. *Al-Islam*, 378:36-38.
- Murad bin Mohd Noor. 1973. *Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perangkaan.
- Muslim, Imam Abi al-Husayn bin al-Hajjaj. 2000. *Sahih Muslim*. Al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Richard Fabes & Carol Lynn Martin. 2000. *Exploring Child Development: Transactions and Transformations*. United States of America: Allyn & Bacon A Pearson Education Company.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zahir Ahmad. 2003. *Pedagogi, Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Slavin, R.E. 1989. A Theory of School and Classroom Organisation. *Educational Psychologist*, ms. 89 – 108.
- Sternberg, L., Dornbusch, S.M dan Brown, B.B. (1992). Ethnic differences in adolescent achievement: An ecological perspectives. *American Psychologist*, 47: 723-799.
- Tolman, E.C. 1932. *Purposive Behaviour in Animals and Men*. New York: Appleton-Century.
- Umaruddin, M. 2003. *The Ethical Philosophy of al-Ghazali*. India: Adam Publishers.
- Vygotsky, L.S.C. 1978. *Mind in society. The Development of Higher Psychological Processes*. (New edition, edited by M.Cole, V. John Steiner, S. Scribner and E. Souberman). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Willms, J. D. 1992. *Monitoring School Performance: A Guide for Educators*. London: The Falmer Press.

Zaleha Sulaiman. 1995. Pengurusan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar: Kes Empat Buah Sekolah Menengah di Negeri Kedah Darul Aman. Tesis Sarjana. Kedah: Universiti Utara Malaysia.